



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PEKERJAAN
KOD KURSUS : DSM2133
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020
MASA : 6 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan)
5. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

© Hak cipta Kolej Yayasan Pelajaran Johor

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan.

SOALAN 1

- a) Kontrak perkhidmatan ialah satu kontrak perjanjian bertulis antara majikan dan pekerja. Bincangkan **empat (4)** ciri-ciri pekerja.

(10 markah)

- b) Kenal pasti **dua (2)** kategori pekerja yang termasuk di bawah kategori pekerja Seksyen 2 (1) Jadual Pertama.

(2 markah)

SOALAN 2

Jannah bekerja dari jam 8.30 pagi hingga jam 8.30 malam pada tarikh 16 September 2018 atas arahan majikannya bagi menyiapkan satu urusan kerja yang penting. Waktu kerja biasanya 9 jam termasuk waktu rehat dan gaji asas adalah sebanyak RM1500/sebulan.

- a) Kirakan jumlah bayaran gaji yang diperoleh oleh Jannah pada bulan tersebut.

(10 markah)

- b) Bincangkan **empat (4)** keadaan menurut Seksyen 60A(2) yang membenarkan pekerja untuk bekerja melebihi had waktu bekerja biasa beserta contoh-contoh yang bersesuaian.

(10 markah)

SOALAN 3

Tentukan **empat (4)** perkara yang tidak boleh dianggap sebagai upah menurut seksyen 2 Akta Kerja 1955.

(4 markah)

SOALAN 4

- a) Jelaskan **empat (4)** jenis pekerjaan di bawah Akta Kerja Orang Muda (AKOM 1996) yang membolehkan orang muda bekerja beserta contoh.

(8 markah)

- b) Apakah situasi yang mana kanak-kanak tidak dibenarkan bekerja?

(8 markah)

SOALAN 5

Anda merupakan seorang pegawai di Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan dipertanggungjawabkan untuk memberi penerangan kepada pekerja syarikat Maju Bina Sdn. Bhd. berkaitan aduan pekerja terhadap majikan yang dikendalikan oleh jabatan anda. Sediakan taklimat berkenaan **lapan (8)** jenis aduan pekerja terhadap majikan yang mengakibatkan kehilangan sesuatu faedah kewangan atau bukan kewangan kepada pekerja.

(8 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan.

SOALAN 1

Mukhriz telah melakukan salah laku dan didapati bersalah kerana menggelapkan wang syarikat. Oleh sebab itu, kontrak perkidmatannya telah ditamatkan tanpa mendapat sebarang faedah. Kategorikan **lima (5)** jenis salah laku.

(15 markah)

SOALAN 2

Huraikan **lima (5)** perbezaan penamatan kontrak dengan notis dan tanpa notis.

(15 markah)

SOALAN 3

Sebagai Pegawai sumber manusia di Syarikat Nestle Sdn Bhd anda diminta untuk memberi taklimat berkenaan peranan kesatuan sekerja.

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT